

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7 MARCH 2015



Najib diiringi Asyraf Wajdi (tiga dari kanan) dan Jamil Khir (empat dari kiri) bergambar bersama penerima Anugerah Pendakwah pada Majlis Anugerah Dakwah Negara di ibu negara, malam tadi. [FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

BH-7/3/2015

Bersatu selesai masalah ummah: Najib

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mahukan kesatuan dan perpaduan yang terjalin di antara kerajaan dan badan dakwah di negara ini, menjadi indikator bagi menyelesaikan perbezaan dan meraikan kepelbagaian dalam kalangan umat Islam.

Perdana Menteri berkata, ia selaras dengan dasar kerajaan yang tidak hanya menekankan kepada kemajuan material semata-mata, tetapi turut mengutamakan kemajuan spiritual umatnya, bagi menjamin ke-

langsungan peradaban negara.

Beliau berkata, usaha untuk mengembangkan syiar Islam dan memperkasakannya di negara ini adalah selaras kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan yang termaktub dalam Perlembagaan negara.

"Saya yakin dan percaya, dakwah menjadi satu daripada faktor utama menyumbang kepada kemajuan sumber manusia yang holistik. Islam melalui dakwah sudah melahirkan Muslim yang berperanan untuk menyumbang secara po-

sitif kepada negara di pelbagai peringkat dan lapangan.

"Kita wajib mengambil berat permasalahan yang boleh mengugat kesatuan dan perpaduan umat Islam. Punca permasalahan ini harus diselesaikan secara tuntas agar tidak berulang.

Nadi transformasi negara

"Kesatuan dan perpaduan di Malaysia adalah amat penting kerana ia berfungsi sebagai nadi transformasi negara untuk mencapai kejayaan yang jauh lebih tinggi. Misi transformasi

negara tidak akan berhasil sekiranya masyarakat kita berpecah belah," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Pendakwah Negara anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha dan Yang Dipertua YADIM, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.